

Daya kepimpinan graduan perlu diperkasakan – Canselor



Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertitah, selaras dengan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, satu pelan pembangunan dan kecemerlangan kepimpinan pelajar UMP perlu dirangka dengan baik supaya potensi mahasiswa terbabit dapat diperkasakan.

Baginda berkata, pelan itu juga bakal melahirkan graduan berkemahiran, berpengetahuan kompeten dan menepati keperluan semasa. Baginda juga meminta pengurusan UMP memberi perhatian serius kepada pelaksanaan Strategi UMP 2008 hingga 2010 untuk meneruskan inisiatif yang sudah dirancang dengan baik dan berkesan.

"Perubahan dalam pentadbiran dan pengurusan penting bagi menjamin kecemerlangan berterusan selain penyampaian perkhidmatan terbaik yang disediakan kepada pelajar dan pelanggan.

"Pemantauan kemudahan dan prasarana yang disediakan juga sentiasa dilakukan secara berterusan dan kegagalan mematuhgi garis panduan serta standard tidak boleh dikompromi," titahnya sempena Majlis Konvokesyen Ke-3 Sidang Kedua UMP di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan pada 24 Januari 2009 yang lalu.

Selain itu, baginda mahu daya kepimpinan graduan perlu diperkasakan dari semasa ke semasa supaya mereka dapat berfikir dengan lebih luas dalam sudut pandangan yang berbeza dan tidak terhad kepada isu dalaman kampus sahaja.

"Mereka perlu berupaya mengutarakan pandangan konstruktif termasuk cadangan konkret mengenai isu nasional dan global yang relevan sesuai dalam situasi masyarakat kini," titahnya.

Baginda juga berbangga dengan pencapaian dan kejayaan graduan UMP menceburji bidang pekerjaan dalam tempoh singkat. Titahnya lagi, selain pencapaian cemerlang dalam akademik, pihak pengurusan juga perlu memberi perhatian serius kepada

pembangunan sahsiahan dan kepimpinan pelajar bagi memastikan graduan UMP terus berkualiti dalam pelbagai bidang. Di dalam titah ucapannya juga baginda menyeru para graduan untuk mempersiapkan diri dalam menghadapi cabaran terutamanya untuk menempatkan diri dalam pasaran kerja.

Titahnya, kejayaan graduan dari tahun ke tahun semakin meningkat dan graduan UMP perlu mempunyai sikap daya saing yang tinggi kerana mereka yang berkualiti sahaja akan berjaya menempatkan diri dalam sektor pekerjaan.

Baginda sebelum itu menyampaikan diploma, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana kepada 310 graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai bidang kejuruteraan.

Konvokesyen Ke-3 Sidang Kedua UMP buat pertama kali mengeluarkan seramai lapan graduan sulung Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT) menerusi Diploma Keselamatan Pekerjaan, Kesihatan Industri & Alam Sekitar.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Yang Hormat Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib, Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Pada sidang kedua ini juga menyaksikan seramai lapan orang graduan sulung Diploma Keselamatan Pekerjaan, Kesihatan Industri dan Alam Sekitar menerima diploma masing-masing.

Zahrun Nizam Adam @ Ahdani yang ditemui berkata, ini adalah hasil usaha beliau selama ini berulang-alik dari Shah Alam ke Kuantan untuk menambah ilmu pengetahuan.

Antara cabarannya adalah menyesuaikan diri dengan program jarak jauh ini dan terpaksa datang ke kelas pada hujung minggu.

"Walau bagaimanapun, saya amat berterima kasih kepada para pensyarah dan staf Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) yang telah banyak memainkan peranan sehingga saya berjaya mencapai kejayaan ini," tambah beliau.